

MAHATHIR: PROJEK DEKAT ZOO PERLU DAPAT KELULUSAN EIA
Mahathir - Zoo

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Semua projek pembangunan, termasuk di Kampung Kemensah dekat Zoo Negara, perlu mendapat kelulusan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) sebelum dilaksanakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata selagi tidak mendapat kelulusan kajian itu, yang dilakukan oleh golongan pakar, sesuatu projek pembangunan tidak boleh diadakan.

+Semuanya terpulang kepada EIA... sama ada projek berkenaan mematuhi undang-undang,+ katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah bagi projek Menara Kuala Lumpur di Bukit Nanas di sini.

Perdana Menteri, bagaimanapun, enggan mengulas kenyataan Sultan Selangor yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan projek padang golf di Kampung Kemensah itu yang dikhuatiri boleh menjejaskan mutu alam sekitar di sekitar Zoo Negara.

Pagi tadi, Sultan Selangor bertitah bahawa baginda sanggup menolak elau diraja \$24,000 sebulan jika kerajaan negeri tetap meneruskan projek padang golf itu. -- Lagi.

♥04/10/19-51MST

U GB 04-10 00148 BA127

Bah

Mahathir - Zoo 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata setiap projek pembangunan di negara ini perlu mengambil kira faktor alam sekitar manakala laporan kajian oleh golongan pakar hendaklah diberi pertimbangan yang serius.

+Anggapan kononnya berlaku pencemaran, yang dibuat oleh orang yang tidak ditugaskan untuk membuat penilaian, tidaklah boleh dijadikan panduan,+ katanya.

Menurutnya, ada kalanya rasa tidak puas hati golongan tertentu berhubung isu alam sekitar mungkin mempunyai tujuan atau kepentingan lain.

Apabila ditanya mengenai kemungkinan timbul dakwaan projek Menara Kuala Lumpur setinggi 420 meter itu membazirkan wang, Perdana Menteri berkata: +Kalau kita asyik dengar kata-kata orang macam itu, kita sendiri tidak boleh nak buat apa-apa.+

Beliau berkata beliau difahamkan bahawa projek menara itu, yang akan menjadi menara tertinggi di Asia Tenggara dan ketiga tingginya di dunia, tidak akan mengganggu laluan penerbangan. -- Lagi.

♥04/10/19-54MST

CNS3974

U GB 04-10 00129 BA128

Bah

Mahathir - Zoo 3 Kuala Lumpur

.Tambahnya, pokok-pokok yang sedia ada di sekitar tapak pembinaan itu akan dipelihara dan tidak akan ditebang kecuali ia menghalang projek itu.

Menara Kuala Lumpur yang dijangka siap menjelang 1995, akan mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi luar dan dalam negeri serta perkhidmatan data dan gambar.

Ia juga akan mempunyai kemudahan untuk pelancong seperti restoran berpusing, kedai kraftangan dan peralatan teropong.

Yang hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Seri S.Samy Vellu, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Kesihatan Datuk Lee Kim Sai.

Projek itu akan dilaksanakan oleh sebuah konsortium, Menara Kuala Lumpur Sendirian Berhad, yang akan diselaraskan oleh syarikat Jerman, Wayss & Freytag AG. -- Bernama.